

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI
ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]**

TARIKH : 17.6.2015

SOALAN :

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan sekolah sukan yang dibangunkan di Bukit Jalil dan Bandar Penawar dalam melahirkan bakat sukan negara dan meningkatkan tahap sukan negara di peringkat dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merancang penubuhan Sekolah Sukan Malaysia (SSM) dalam Rancangan Malaysia Ke-5. Pada tahun 1996, SSM pertama iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) dibina dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Majlis Sukan Negara (MSN) yang membekalkan jurulatih serta membantu menyediakan atlet bagi kejohanan Sukan Komanwel. Kejayaan SSBJ dalam melahirkan atlet Sukan Komanwel telah membawa kepada pembinaan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) di Bandar Penawar pada tahun 1998.

Sehingga kini, kedua-dua buah SSM ini telah menyumbang kejayaan negara di peringkat dunia. Di antaranya ialah seramai 51 orang atlet murid kelahiran SSM telah dipilih menyertai Sukan Olimpik sejak tahun 2000 hingga 2012. Kejayaan atlet murid Pandelega Rinong ak Pang dalam sukan terjun yang berjaya membawa pingat gangsa semasa Olimpik London 2012 telah mengharumkan nama negara di persada dunia.

Majlis Olimpik Malaysia (MOM) juga telah memilih seramai 211 atlet yang telah melepasi masa dan jarak untuk menyertai Sukan Komanwel dari tahun 1998 hingga 2014. Sebanyak 11 pingat emas, 10 perak dan 15 gangsa dicapai oleh kedua-dua SSM.

SSBJ dan SSTMI juga telah berjaya membantu negara dengan membawa pulang tujuh (7) pingat emas, 22 perak dan 16 gangsa sepanjang Sukan ASIA iaitu dari tahun 2002 hingga 2014. Bagi Sukan SEA pula sejak tahun 1997 hingga 2013, SSBJ dan SSTMI telah menghantar seramai 850 atlet murid yang berjaya meraih 209 pingat Emas, 155 perak dan 175 gangsa.

Di antara atlet murid selain Pandelega yang mengharumkan nama negara di peringkat dunia ialah Leong Mun Yee (Sukan Terjun: 4 kali Olimpik), Bryan Nickson (Sukan Terjun: 3 kali Olimpik), Khoo Kien Keat dan Tan Boon Heong (Sukan Badminton: 2 kali Olimpik), Roslinda Samsu (Sukan Olahraga), Elaine Teo Shueh Fern (Sukan Taekwondo: 2 kali Olimpik), Mohamad Azizul Hasni Awang (Sukan Basikal: 2 kali Olimpik), Fatehah Musthapa (Sukan Lumba Basikal), Nauraj Singh Radhawa (Sukan Olahraga), Jivan Mohan (Hoki), Navinraj a/l Subramaniam (Sukan

Olahraga), Yu Peng Kean (Sukan Lawan Pedang) Muhammad Ruzaini bin Abd Razak, Nik Norbaizura Nik Azman, Nik Norlydiawati Nik Azman (Sukan Judo) dan ramai lagi.

KPM amat bersyukur dengan kerjasama yang diberikan oleh agensi-agensi berkaitan seperti KBS, MSN, MOM, Institut Sukan Negara (ISN), Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) serta ibu bapa/penjaga atlet murid yang banyak membantu dalam melahirkan atlet murid cemerlang di SSM.

RJM111